

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMS 212 - Sejarah Asia Tenggara Tradisional

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Bincangkan gambaran para sarjana tentang petempatan awal di Asia Tenggara, dengan memberi penekanan kepada kawasan Malaysia.
(25 markah)
2. Teori tentang zaman prasejarah mempunyai hubungan yang rapat dengan teori evolusi Darwin. Bincangkan kebenaran pernyataan ini.
(25 markah)
3. Di antara golongan yang paling berperanan dalam proses pengindiaaan di Asia Tenggara, nampaknya golongan Brahminlah yang paling penting. Nilaikan.
(25 markah)
4. Zaman protosejarah di Asia Tenggara bermula dengan kerajaan Funan. Bahaskan asal-usulnya dan perkembangannya.
(25 markah)
5. Kerajaan Sriwijaya mempunyai pertalian yang erat dengan wangsa Sailendra dalam kerajaan Mataram di Jawa. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
(25 markah)
6. Walaupun pengaruh Agama Islam dianggap besar di Nusantara, tetapi masih terdapat persambungan warisan tradisi dalam aspek-aspek yang berubah di samping yang kekal selepas kedatangan Islam. Bahaskan sejauh mana kebenaran pernyataan ini.
(25 markah)
7. Kebangkitan kerajaan Muslim di Jawa banyak dibantu oleh peranan golongan ulama. Malah, konsep kepimpinan ulama telah lama diamalkan dalam sejarah awal Islam di Jawa. Bincangkan.
(25 markah)
8. Kebangkitan dan keruntuhan kerajaan Melaka tidaklah berlaku kerana faktor luaran sahaja, tetapi juga kerana faktor dalaman. Sekiranya pernyataan ini benar, kenapakah tumpuan selama ini hanya diberikan kepada faktor luaran sahaja?
(25 markah)

oooOoo